

**SOKONGAN SOSIAL TERHADAP KECENDERUNGAN
PENYALAHGUNAAN DADAH DALAM KALANGAN PENGHUNI
PUSAT PEMULIHAN SWASTA DI DAERAH JASIN, MELAKA**

***SOCIAL SUPPORT AGAINST DRUG ABUSE TENDENCIES AMONG
PRIVATE REHABILITATION CENTERS IN JASIN DISTRICT, MELAKA***

Siti Haziqah Shaban
Izzah Faqihah Jafri
Fakulti Sains Sosial,
Universiti Islam Melaka

Corresponding Author's Email: sitihaziqah@unimel.edu.my

Article History:

Received : 4 October 2024
Revised : 30 November 2024
Published : 31 December 2024
© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Shaban, S.H, & Jafri, I.F. (2024). SOKONGAN SOSIAL TERHADAP KECENDERUNGAN PENYALAHGUNAAN DADAH DALAM KALANGAN PENGHUNI PUSAT PEMULIHAN SWASTA DI DAERAH JASIN, MELAKA. *Jurnal Ilmi*, 14(1), 84-95.

ABSTRAK

Faktor sokongan sosial adalah faktor yang amat penting kepada setiap penagih untuk mendapat bantuan dari orang sekeliling seperti keluarga dan individu yang hampir dengan diri mereka terutama untuk melakukan perubahan dalam hidup. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti faktor sokongan sosial terhadap kecenderungan penyalahgunaan dadah dalam kalangan penghuni pusat pemulihan swasta, Daerah Jasin Melaka. Kajian berbentuk kaedah tinjauan atau *survey* ini telah dilaksanakan kepada 22 orang responden yang terdiri dari kalangan penagih yang masih mendapatkan rawatan di pusat pemulihan dipilih sebagai sampel bagi kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan bagi soal selidik dalam kajian ini adalah Inventori *Social Support of Behaviour* (ISSB) bagi mengukur faktor sokongan sosial dan menggunakan Inventori *Drug Abuse Screening Test-20* (DAST-20) untuk melihat kecenderungan penyalahgunaan dadah dalam kalangan penagih. Data telah dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif

dan inferensi melalui perisian SPSS (*Statistical Packages of Social Science*) versi 26. Secara keseluruhannya, tidak terdapat hubungan antara sokongan sosial terhadap kecenderungan penyalahgunaan dadah dalam kalangan penghuni pusat pemulihan swasta, Daerah Jasin Melaka ($r = -.039$, $k > .05$). Seterusnya, hasil dapatkan juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan sokongan sosial berdasarkan umur [$F (17,4) = 4.458$, $k >.05$]. Kajian ini boleh memberikan manfaat kepada pelbagai pihak khususnya pihak AADK dan institusi masyarakat.

Kata kunci: *Sokongan sosial, penyalahgunaan dadah, pemulihan dadah*

ABSTRACT

The social support factor is a very important factor for every addict to get help from people around them such as family and individuals who are close to them, especially to make changes in life. Therefore, this study aims to identify social support factors against drug abuse tendencies among residents of private rehabilitation centre, Jasin District, Melaka. This study in the form of a survey method has been carried out to 22 respondents who are among addicts who are still receiving treatment at a rehabilitation centre and were selected as a sample for this study. The research instrument used for the questionnaire in this study is the Inventory of Social Support of Behaviour (ISSB) to measure social support factors and use the Drug Abuse Screening Test-20 Inventory (DAST-20) to see the tendency of drug abuse among addicts. The data was analyzed using descriptive and inferential methods through SPSS software (Statistical Packages of Social Science) version 26. Overall, there was no relationship between social support and drug abuse tendencies among residents of private rehabilitation centre, Jasin Melaka District ($r = - .039$, $k > .05$). Next, the findings also show that there is no significant difference in social support based on age [$F (17,4) = 4.458$, $k >.05$]. This study can provide benefits to various parties, especially the AADK and community institutions.

Keywords: *Social support, drug abuse, drug rehabilitation*

1.0 PENGENALAN

Isu penagihan dadah di Malaysia merupakan satu isu negara yang meliputi pelbagai aspek sama ada sosial, ekonomi dan juga kesejahteraan masyarakat. Malaysia telah mengisytiharkan dadah sebagai musuh nombor satu negara pada tahun 1983. Isu penagihan dadah ini kian melarap ke dalam institusi kehidupan masyarakat dan juga menjadi satu masalah yang kritikal kepada seluruh negara bahkan dunia yang bukan sahaja mengakibatkan kerugian wang ringgit malah yang membimbangkan adalah masalah kesihatan serta negara kehilangan modal insan yang menjadi tumpuan pembangunan sesebuah negara.

Menurut Nur Zarina Senin (2018) melalui Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) 2016, beliau berpendapat bahawa perlambakan masalah penyalahgunaan dadah

bermula pada awal tahun 1970 sehingga tahun 1990 dengan pengiraan seramai 152,783 orang penagih direkodkan. Peningkatan kadar jenayah ini juga telah mengakibatkan pelbagai jenis dadah turut diperkenalkan dalam kalangan masyarakat. Namun, pada ketika ini penggunaan dadah yang mempunyai perbezaan nama, bentuk dan warna dan ciri-ciri yang tersendiri hanya terbatas sebagai ubat berdasarkan kepada kategori dan fungsi bahan tersebut.

Di seluruh dunia, isu penyalahgunaan dan penggunaan bahan menjadi salah satu fokus utama perbincangan pihak berautoriti bagi mengawal kadar keterlibatannya. Pelbagai penekanan yang serius telah dilaksanakan untuk membendung gejala ini daripada terus merebak di peringkat akar umbi. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) pada tahun 2020, sebanyak 15087 per kes dan 14850 per individu adalah di kalangan berumur 19 tahun hingga 39 tahun. Ini menunjukkan ramai penagih dadah dikalangan belia mendominasi carta berbanding penagih dadah di kalangan remaja (18-19 tahun) dan dewasa (40 tahun ke atas).

Sekiranya isu ini tidak diatasi, permasalahan ini mampu membawa kepada ketidakseimbangan sistem dalam organisasi samada keluarga, masyarakat mahupun negara. Ketidakseimbangan ini mengakibatkan wujudnya pelbagai masalah jenayah tanpa mengira peringkat umur bukan sahaja dalam kalangan orang dewasa sahaja, malah golongan remaja dan kanak-kanak juga boleh terjebak dengan gejala dadah sesebuah negara. Pelbagai aspek yang telah dikenalpasti menjadi punca individu cenderung untuk mengambil dadah antaranya adalah faktor sokongan sosial.

2.0 PENYATAAN MASALAH

Sokongan sosial merupakan faktor yang boleh menyumbang kepada pengambilan dadah. Sokongan sosial merupakan bantuan yang diperlukan oleh seseorang individu daripada orang lain seperti ibubapa, rakan-rakan, keluarga, guru-guru, persekitaran sosial dan lain-lain. Sokongan sosial boleh diberikan seperti bantuan dalam melakukan kerja rumah dan bantuan dari segi emosional iaitu dengan memberikan sokongan moral (Faris Iskandar, 2018). Menurut Zulhilmi (2020), terdapat lima kumpulan sokongan sosial yang boleh mempengaruhi kehidupan penagih iaitu ibubapa atau keluarga, rakan-rakan, masyarakat dan pusat pengawasan. Persekutaran sosial melibatkan pelbagai interaksi serta fungsi peranan yang dimainkan bagi setiap individu lebih-lebih lagi dalam institusi keluarga.

Dapatan kajian yang dilakukan oleh Nurul Hudani et.al (2017) menunjukkan bahawa 94% responden dikalangan penagih dadah menerima sokongan masyarakat yang sederhana dan rendah. Hasil kajian ini disokong oleh kajian Mahmood Mohd Nazar et al. (1999) yang menunjukkan kurangnya sokongan dari orang sekeliling atau masyarakat boleh menyumbang kepada penyalahgunaan dadah dengan lebih meluas. Ini jelas menunjukkan bahawa, tanpa sokongan sosial, penagih dadah terutama bekas penagih akan terbiar begitu sahaja dengan tiadanya bantuan dan pantauan yang diperlukan, serta bimbingan dan sokongan yang sepatutnya diterima (Zulhilmi, 2020).

Justeru, satu kajian secara empirikal berkaitan sokongan sosial terhadap kecenderungan penyalahgunaan dadah perlu dilakukan sebagai satu usaha membendung isu penyalahgunaan dadah yang semakin meruncing pada masa kini. Kajian seperti ini mampu memberi pendedahan kepada pihak berkaitan tentang faktor sokongan sosial yang boleh membawa kepada kecenderungan penyalahgunaan dadah sekiranya tidak diambil tahu dan diatasi dengan segera. Sokongan yang positif seperti kata-kata semangat, memberi peluang penagih perbaiki diri serta memberi peluang pekerjaan oleh orang sekeliling termasuk keluarga dan masyarakat sedikit sebanyak dapat membantu pihak kerajaan mengurangkan statistik penagihan dadah.

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji sokongan sosial terhadap kecenderungan penyalahgunaan dadah dalam kalangan penghuni pusat pemulihan swasta, Jasin Melaka. Oleh yang demikian, terdapat beberapa objektif kajian yang telah dibina, antaranya:

- i. Mengkaji hubungan yang signifikan antara sokongan sosial terhadap kecenderungan penyalahgunaan dadah dalam kalangan penghuni pusat pemulihan swasta, Jasin Melaka.
- ii. Mengkaji perbezaan yang signifikan antara sokongan sosial mengikut umur dalam kalangan penghuni pusat pemulihan swasta, Jasin Melaka.

3.0 SOROTAN LITERATUR

Sebuah kajian dijalankan oleh Rozmi Ismail, Nor Azri Ahmad, Fauziah Ibrahim dan Salina Nen (2017), melihat kepada faktor individu, keluarga dan persekitaran sosial sangat memberi pengaruh kepada tingkah laku terhadap penyalahgunaan dadah. Seramai 480 orang responden terlibat dalam kajian dan secara keseluruhan terdiri daripada responden lelaki. Hasil dapatan daripada kajian tersebut mendapati bahawa domain bagi faktor persekitaran sosial sangat penting dalam memahami penglibatan remaja dalam kesan penyalahgunaan bahan dan perlu diberikan perhatian dalam merangka dan memperbaharui program pencegahan.

Ia selaras dengan kajian mengenai faktor sokongan sosial ini dapat dilihat melalui sebuah kajian di pusat pemulihan di Isfahan, Iran yang telah dilakukan oleh Nourafkan & Amini (2023) kepada 300 orang responden untuk melihat status sokongan sosial dalam kalangan penagih dadah terhadap hubungan sokongan kesihatan yang diterima sepanjang berada di pusat pemulihan. Hasil kajian mendapati wujudnya hubungan yang signifikan antara sokongan sosial dan sokongan kesihatan terhadap kumpulan penagih dadah. Beliau turut menyatakan bahawa sokongan sosial perlulah dipertingkatkan dan diperluaskan kepada masyarakat demi kebaikan pemulihan golongan penagih dadah agar mereka lebih rasa dihargai.

Kajian yang dijalankan oleh Najwa Afifa Roshaizad et al., (2018) pula adalah tentang faktor sokongan sosial bagi penghidap HIV positif di Malaysia. Ia dikaitkan dengan penagihan dadah kerana amalan suntikan dadah sehingga menyebabkan mereka

menghidapi penyakit ini. Responden kajian ini telah menyatakan bahawa tanpa adanya sokongan sosial yang kuat dari orang sekeliling atau masyarakat akan menyebabkan mereka jatuh dan terjebak semula ke kancang dadah. Ini jelas mendapati tingginya sokongan sosial ini boleh membuatkan penagih bangkit dan mempunyai semangat yang positif untuk terus berhenti mengambil dadah.

Seterusnya, menurut Fauziah Ibrahim et.al (2012) berdasarkan hasil kajian beliau menunjukkan kurang sokongan daripada keluarga dan lemahnya interaksi antara penagih dadah dengan keluarga menyebabkan penagih dadah mula mengambil dadah dan mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk menagih semula. Ibu bapa perlu mempunyai komunikasi dua hala yang baik dengan anak-anak supaya mereka berasa diperlukan dalam keluarga dan mendapat perhatian dengan baik. Begitu juga dengan sokongan sosial daripada masyarakat juga dapat mengurangkan risiko pengambilan dadah lebih-lebih lagi dikalangan remaja dan belia.

Hasil penelitian daripada kajian-kajian lepas membuktikan bahawa wujudnya perhubungan antara sokongan sosial terhadap kecenderungan penyalahgunaan dadah dalam kalangan penghuni di pusat pemulihan sawasta di Daerah Jasin, Melaka. Faktor sokongan sosial dilihat sebagai salah satu aspek serta faktor penting bagi membantu individu mengurangkan kecenderungan penyalahgunaan dadah dalam kalangan penagih.

4.0 METODOLOGI

Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kajian yang berbentuk kuantitatif. Selain itu, kajian ini juga berbentuk spesifikasi dengan menggunakan tatacara pengumpulan maklumat hanya beberapa orang subjek atau sampel daripada keseluruhan populasi. Reka bentuk kajian ini adalah reka bentuk kaedah tinjauan. Kajian tinjauan bertujuan untuk mendapatkan maklumat daripada responden yang ramai terutama ratusan ataupun ribuan responden (Sabitha Marican, 2006). Edaran soal selidik digunakan sebagai kaedah khusus dalam kajian ini bagi mendapatkan bilangan responden secara keseluruhan mengikut sampel kajian yang dipilih. Pemilihan kaedah ini bertujuan untuk memberi dan mendapatkan maklumat berkaitan kepada pengkaji melalui soalan-soalan yang diajukan dalam soal selidik yang digunakan. Dapatkan data kajian akan dianalisis menggunakan *Statistical Package of Sosial Science* (SPSS) versi 26.

Sampel Kajian

Azizi Yahya (2007) berpendapat bahawa sampel adalah merupakan bahagian dalam populasi tanpa melihat populasi tersebut mampu untuk menjadi wakil populasi atau sebaliknya. Semakin kecil saiz sampel yang diambil, semakin rendah ketepatannya manakala saiz populasi yang besar pula mampu mengurangkan ralat persampelan. Dalam kajian ini, metod yang digunakan pengkaji untuk mendapatkan sampel kajian adalah

melalui kaedah persampelan bertujuan. Kaedah ini dipilih kerana semua sampel kajian dipilih berdasarkan kepada pertimbangan yang dilakukan oleh pengkaji. Seramai 22 orang responden daripada 32 orang dalam kalangan pusat pemulihan dipilih untuk menjawab borang soal selidik yang telah diedarkan.

Instrumen Kajian

Terdapat dua bahagian soal selidik yang telah diedarkan kepada responden iaitu Bahagian A, demografi responden iaitu umur, bangsa, agama, sumber pendapatan dan jenis pekerjaan. Bahagian B pula meliputi Soal Selidik *Inventory of Social Support Behaviour (ISSB)* oleh Berra (1981) yang mengandungi 20 item soalan yang terdiri daripada 10 item negatif dan 10 item positif. Selain itu, soal selidik ini juga menggunakan kaedah pemarkatan 5 skala likert seperti: i) Sangat Tidak Setuju (STS) ii) Tidak Setuju (TS) iii) Tidak Pasti (TS) iv) Setuju (S) dan (v) Sangat Setuju (SS). Seterusnya bahagian C, soal selidik *Drug Abuse Screening Test (DAST)* yang telah diubahsuai oleh Skinner (1982) dan mempunyai 20 item soalan dengan pemilihan jawapan YA / TIDAK berdasarkan kepada 3 tahap ketagihan pengambilan dadah iaitu: tidak ketagih (1 hingga 5), ketagihan *moderate* (6 hingga 15) dan ketagihan teruk (16 hingga 20).

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Hasil kajian dibahagikan kepada dua iaitu hasil kajian deskriptif dan hasil kajian inferensi. Analisis statistik deskriptif telah digunakan bagi melihat keputusan frekuensi, peratus, nilai min dan sisihan piawai. Manakala, statistik inferensi pula digunakan bagi mendapatkan keputusan kebolehpercayaan alat ujian yang digunakan seperti korelasi Pearson dan Anova sehala.

Keputusan Deskriptif

Jadual 1: Bilangan dan Peratusan Responden Berdasarkan Peringkat Umur

Umur	Bilangan	Peratusan (%)
20 hingga 30 tahun	11	50%
41 hingga 50 tahun	1	5%
31 hingga 40 tahun	7	32%
51 hingga 60 tahun	3	13%
Jumlah	22	100%

Jadual 1 menunjukkan peratusan dan bilangan responden berdasarkan peringkat umur penghuni pusat pemulihan. Terdapat 11 orang iaitu 50% dalam kalangan responden berumur antara 20 hingga 30 tahun, 7 orang iaitu 32% berumur antara 31 hingga 40 tahun, 1 orang iaitu 5% pula mewakili umur 41 hingga 50 tahun dan 3 orang iaitu 13% adalah berumur 51 hingga 60 tahun. Ini menunjukkan peringkat umur 20 hingga 30 tahun adalah yang paling ramai tinggal di pusat pemulihan.

Jadual 2 : Bilangan dan Peratusan Responden Berdasarkan Bangsa

Bangsa	Bilangan	Peratusan (%)
Melayu	21	99%
Cina	1	1%
India	0	0%
Jumlah	22	100%

Jadual 2 menunjukkan bilangan dan peratusan responden berdasarkan bangsa. Menerusi jadual di atas, dapat dilihat bahawa kaum Melayu mewakili bilangan purata responden iaitu sebanyak 21 orang bersamaan dengan 99% manakala kaum Cina adalah seramai 1 orang dengan peratusan sebanyak 1% sahaja. Manakala, bagi kaum India dan pula, masing-masing tidak mewakili bilangan responden iaitu 0%. Ini menunjukkan kaum Melayu mendominasi berbanding kaum Cina dan India.

Jadual 3: Bilangan dan Peratusan Responden berdasarkan Agama

Agama	Bilangan	Peratusan (%)
Islam	21	99%
Buddha	1	1%
Kristian	0	0%
Hindu	0	0%
Jumlah	22	100%

Jadual 3 menunjukkan bilangan dan peratusan responden berdasarkan agama. Berdasarkan rajah berkenaan, seramai 21 orang (99%) dalam kalangan penghuni pusat pemulihan adalah beragama Islam. Manakala seramai seorang (1%) menganuti agama Buddha. Namun demikian, di pusat berkenaan, tiada dalam kalangan penghuni yang menganuti ajaran Kristian (0%) mahupun Hindu (0%).

Jadual 4: Bilangan dan Peratusan Responden berdasarkan Pendapatan

Pendapatan	Bilangan	Peratusan (%)
RM 1500 ke atas	9	41%
RM 2000 ke atas	4	18%
RM 3000 ke atas	3	14%
Tiada pendapatan	6	27%
Jumlah	22	100%

Jadual 4 menampilkkan bilangan dan peratusan bagi sumber pendapatan dalam kalangan penghuni di pusat pusat pemulihan. Menerusi jadual ini dapat dilihat bahawa seramai 9 orang penghuni (41%) pusat berkenaan mempunyai sumber pendapatan sebanyak RM1500 dan ke atas sebulan, manakala seramai 4 orang (18%) dalam kalangan penghuni mempunyai sumber pendapatan bulanan sebanyak RM 2000 dan ke atas, 3 orang penghuni (14%) mempunyai sumber pendapatan lebih daripada RM 3000 sebulan. Namun demikian, terdapat juga dalam kalangan penghuni yang tidak memiliki sumber pendapatan bulanan iaitu seramai 6 orang (27%). Jelas menunjukkan, majoriti penghuni pusat pemulihan mempunyai sumber pendapatan RM 1500 hingga RM 2000.

Jadual 5 : Bilangan dan Peratusan Responden berdasarkan Jenis Pekerjaan

Jenis Pekerjaan	Bilangan	Peratusan (%)
Sektor Kerajaan	3	14%
Sektor Swasta	3	14%
Tidak bekerja	8	36%
Jumlah	22	100%

Berdasarkan Jadual 5 menunjukkan bilangan dan peratusan responden mengikut jenis pekerjaan bagi setiap responden. Berdasarkan jadual di atas, seramai 3 orang (14%) dalam kalangan responden bekerja di dalam sektor kerajaan manakala 11 orang (50%) yang lain bekerja di dalam sektor swasta dan 8 orang (36%) dari kalangan responden tidak bekerja.

Keputusan Inferensi

- Hubungan Sokongan Sosial Terhadap Kecenderungan Penyalahgunaan Dadah Dalam Kalangan Penghuni Pusat Pemulihan Swasta Daerah Jasin, Melaka.**

Jadual 6 : Korelasi Di Antara Sokongan Sosial Dengan Kecenderungan Penyalahgunaan Dadah.

Pembolehubah	Sokongan sosial
Penyalahgunaan Dadah	-.039
K> .05	

Jadual 6 menunjukkan hasil keputusan bagi nilai pekali korelasi iaitu ($r = -.039$) dan nilai kebarangkalian adalah .862 yang diuji pada aras keyakinan .05 ($k > .05$). Analisis ini membuktikan bahawa sokongan sosial sama sekali tidak mampu mempengaruhi kecenderungan penyalahgunaan dadah dalam kalangan penghuni. Seterusnya, nilai kebarangkalian adalah signifikan kerana nilai berkenaan adalah lebih besar daripada nilai aras keyakinan. Oleh itu, hipotesis ini ditolak dan tidak terdapat hubungan antara sokongan sosial terhadap kecenderungan penyalahgunaan dadah ($r = -.039$, $k > .05$).

Hasil dapatan ini disokong oleh kajian Khalid Aiman (2020) yang menunjukkan tidak terdapat hubungan sokongan sosial terhadap kecenderungan penyalahgunaan dadah dalam kalangan penghuni PUSPEN Tampin. Ini turut disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Mahyudin dan Azizah (2006) yang mendapati bahawa sikap individu, merupakan titik pemula seseorang untuk mengambil dadah. Ia hanyalah faktor sampingan apabila seseorang itu tidak dapat perhatian yang secukupnya. Jelas menunjukkan, sokongan sosial bukan faktor utama bagi seseorang itu untuk terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Namun kajian ini bertentangan dengan kajian oleh Zulhilmi (2020) membuktikan bahawa wujud hubungan yang signifikan terhadap sokongan sosial yang diterima oleh bekas pengguna dadah dalam usaha mengukuhkan kawalan sosial dalam kalangan mereka. Ini menunjukkan sokongan sosial penting dalam membentuk keperibadian penagih.

ii. Perbezaan Sokongan Sosial Berdasarkan Umur Dalam Kalangan Penghuni Pusat Pemulihan Swasta Daerah Jasin, Melaka.

Jadual 7: Keputusan ANOVA Antara Sokongan Sosial Berdasarkan Umur.

Umur	JDK	DK	MKD	F	Sig
Antara kumpulan	22.106	17	1.300	4.458	.079
Dalam kumpulan	1.167	4	.292		

K > .05

Hasil dalam jadual 7 di atas menunjukkan wujud perbezaan sokongan sosial mengikut peringkat umur responden. Keputusan menunjukkan bahawa nilai statistik F yang diperolehi adalah 4.458 dengan nilai kesignifikannya adalah .079. Nilai ini melebihi aras signifikan .05. Keadaan ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara sokongan sosial berdasarkan umur [$F(17,4) = 4.458$, $k > .05$]. Maka hipotesis ini ditolak.

Kajian ini selari dengan hasil kajian Khalid Aiman (2020) yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan sokongan sosial berdasarkan lingkungan umur penghuni PUSPEN Tampin. Namun hasil kajian ini bertentangan dengan kajian oleh Yahya Buntat et.al (2015) yang menyatakan mereka berumur sekitar 20 hingga 29 tahun lebih banyak terlibat dalam penagihan dadah. Faktor berpendapatan rendah, pendidikan dan penghayatan agama yang rendah antara punca mereka mengambil dadah. Dapat

disimpulkan golongan belia lebih ramai terjebak dalam penyalahgunaan dadah berbanding dengan golongan emas. Ini berkemungkinan peringkat umur belia, pengaruh rakan sebaya yang merupakan orang yang paling rapat selepas ibu bapa dan keluarga adalah kuat kerana mereka memerlukan seseorang sebagai tempat mengadu dan meminta pertolongan (Azahar Che Latif et.al, 2016).

6.0 KESIMPULAN

Menerusi kajian ini, pengkaji berharap supaya kajian ini dapat membantu dan memberikan cadangan kepada pengkaji akan datang dalam usaha menambahbaik dan memperluaskan skop kajian yang berkaitan dengan dadah. Hasil dapatan kajian yang diperolehi menerusi kaedah kuantitatif dan kualitatif juga membantu pengkaji mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci dan tepat berkaitan dengan isu penyalahgunaan dadah. Pengkaji boleh menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif dengan mengedar soal selidik dan menemu bual klien di pusat pemulihan.

Pengkaji turut menyarankan supaya penggunaan bahasa yang mudah difahami dalam borang soal selidik juga sedikit sebanyak mampu membantu pengkaji mendapatkan dapatan kajian dengan lengkap dan berkesan. Dalam membuat sesi temubual pula, pengkaji hendaklah menyediakan soalan yang sesuai berkaitan dengan penyalahgunaan bahan. Hal ini adalah untuk mengelakkan daripada mereka tersinggung dan mengelakkan mereka daripada bertindak agresif. Dalam pada itu, pengkaji turut menyarankan supaya pengkaji akan datang tidak hanya berfokuskan kepada kemaslahatan berkaitan dadah semata-mata sahaja, bahkan boleh meluaskan lagi kajian yang berfokuskan kepada isu penyalahgunaan bahan seperti alkohol, rokok dan pil-pil yang berkaitan.

Secara keseluruhan, kajian ini dijalankan adalah untuk melihat faktor sokongan sosial dapat mempengaruhi masalah penyalahgunaan bahan dalam kalangan penagih. Hubungan yang baik daripada kumpulan sokongan sosial mampu menyedarkan diri para penagih bahawa mereka masih lagi mempunyai peluang untuk mengubah diri menjadi lebih baik dan kembali ke dalam norma kehidupan masyarakat. Hal ini kerana, dalam tidak sedar, individu kelompok ini masih diperlukan untuk membantu individu lain yang terlibat dengan masalah penyalahgunaan bahan. Namun demikian, menyebarkan rasa sayang yang mendalam mampu mengubah perspektif negatif yang terdapat dalam diri bekas penagih berkaitan tanggapan masyarakat terhadap diri mereka. Akhir sekali, sokongan dari sudut moral dan sosial adalah sangat penting sebagai pendorong motivasi kepada penagih supaya berhenti dan mengubah nasib diri kearah kebaikan yang berpanjangan.

Sumbangan Pengarang

Shaban, S.H. Penyataan masalah, perbincangan, metodologi dan suntingan akhir. Jafri, I.F. Pengenalan dan sorotan literatur.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisyiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) (2020). Statistik Penagih Dadah. <https://www.adk.gov.my/trend-statistik-penagih-dadah-dikesan-aadk-mengikut-kategori-umur-2016-2020/>
- Azahar Che Latiff, Balan Rathakrisnan, Norhamidah Jarimal @ Safri, Siti Noor Fazariah Suis @ Mohd Rusdy, Surianti Lajuma (2016). Perkaitan Antara Perapatan Ibubapa Dan Rakan Sebaya dengan Penglibatan Remaja Dalam Penyalahgunaan Dadah Di Sabah. *Southeast Asia Psychology Journal* Vol. 5, (2017) 12-21 <http://www.cseap.edu.my/sapj>.
- Azizi Yahaya et al. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis & Interpretasi Data*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Faris Iskandar. (2018). Hubungan antara Sokongan Sosial terhadap Konsep Kendiri Pelajar Tingkatan Empat Sekolah Kebangsaan Rahmat, Kuala Sungai Baru, Melaka. Tesis Sarjana Muda. Kolej Universiti Islam Melaka.
- Fauziah Ibrahim, Bahaman Abu Samah, Mansor Abu Talib & Mohamad Shatar Sabran. (2012). Penagih Dadah dan Keadaan Berisiko Tinggi Kembali Relaps. *Journal of Social Science and Humanities*: 43 - 44 Hawkins.
- Khalid Aiman Kamaruddin. (2020). Hubungan Antara Penyalahgunaan Bahan dengan Sokongan Sosial di Kalangan Penghuni Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Tampin, Melaka. Tesis Sarjana Muda. Kolej Universiti Islam Melaka.
- Mahmood Nazar Mohamad, Mohd Shuib Che Din, Lasimon Matokrem, Muhamad Dzahir Kasa dan Rusli Ahmad (1999). Penagihan Dadah dan Residivisme: Aspek-aspek Psikososial dan Persekitaran. Kedah: Pusat Penyelidikan dan Perundingan, Universiti Utara Malaysia.
- Mahyuddin Arsat & Azizah Besar (2011) Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Pelajar. Satu Kajian Di Pusat Serenti Tiang Dua, Melaka. *Journal of Science & Mathematics Education*. pp. 1-9.
- Najwa Afifa Roshaizad, Aizan Sofia Amin, & Haikal Anuar Adnan. (2018). Sokongan Sosial Bagi Penghidap HIV Positif di Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(S), 25–34.
- Nourafkan, A., & Amini, Z. (2023). Relation of Social Support Status and Social Health

in People with Drug Abuse. *Advanced Biomedical Research*, 12(1), 63.

Nurul Hudani Md Nawi, Muhamad Fadhli Ahmat, Syed Mohd Fadhillah Sied Esahak, Zakaria Awang Hamat & Iezwan Iesnordin (2017). Hubungan Antara Sokongan Sosial Dengan Kemurungan. *Jurnal Pembangunan Sosial* Jilid 20: 29–49.

Rozmi Ismail, Nor Azri Ahmad, Fauziah Ibrahim & Salina Nen, (2017) *Pengaruh faktor individu, keluarga dan persekitaran sosial terhadap tingkah laku penyalahgunaan bahan dalam kalangan remaja*. Akademika, 87 (1). pp. 7-16. ISSN 0126-5008.

Sabitha Marican. (2005). Kaedah penyelidikan sains sosial (p. 279). Prentice Hall: Pearson Malaysia.

Yahya Buntat, Dzulkhissham Rahmat @ Rahaman. (2015) Profil Penagihan dalam kalangan penagih yang ditahan di CRCC seluruh Malaysia, AADK.

Zulhilmi Bin Haji Jaidin. (2020). Kepentingan Sokongan Sosial Dalam Mengukuhkan Kawalan Sosial Terhadap Bekas Pengguna Dadah: Satu Kajian Sorotan Literatur. *Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Volume 8(2), September 2020.